



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

**20
24**



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.004 LANGKAWI

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.004 LANGKAWI

Penyunting Siri
Nurul Syaza Mazelan

Penulis
Siti Noraiysah Rohim



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.004 LANGKAWI (KEDAH)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman **I**

Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin **III**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu **1-11**

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

- | | | |
|-----|-----------------|--------------|
| 1.0 | Pengenalan | 12 |
| 2.0 | Pemetaan Isu | 13-40 |
| 3.0 | Pengutamaan Isu | 41-44 |



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	Organisasi / Persatuan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penajaan pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.004 LANGKAWI (KEDAH)

7 - 9 Mac 2024 (Khamis - Sabtu)

**TEMPAT-TEMPAT YANG
TELAH DILAWATI****HARI 1**

1. Sesi dialog bersama Warga Pendidik SMK Kedawang
2. Sesi dialog bersama Pemimpin Tempatan
3. Lawatan Tapak 1: Perparitan Kg. Chandek Kura
4. Sesi Dialog bersama Pengusaha Jetski
5. Sesi Dialog bersama *Langkawi Taxi Association*

HARI 2

6. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Padang Lunas dan Kampung Kuah
7. Lawatan Tapak 2: Tempat Telaga Tiub
8. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Kilim
9. Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Padang Lalang

HARI 3

10. Sesi Dialog bersama Komuniti Kepulauan Tuba
11. Sesi Dialog Bersama Ahli Lembaga Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat
12. Lawatan Tapak 3 : Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak di Jeti Teluk Puyoh
13. Sesi Dialog bersama Kumpulan Nelayan
14. Lawatan Tapak 4: Projek Tuba & Selat Bagan Nyior Homestay Community Development
15. Lawatan Tapak 5 : Jeti Bagan Pauh

PASUKAN PENYELIDIK

Dengan sokongan
daripada
Ahli Parlimen Langkawi,
YB Dato' Haji
Mohd Suhaimi
Bin Haji Abdullah



Noraiysah
(Ketua Penyelidik)



James Raj



Darshini



Mastura



11 Januari 2024 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Mohd Suhaimi Abdullah, Ahli Parlimen Langkawi di pejabat APPGM-SDG. Cadangan tarikh bagi lawatan pemetaan isu adalah pada awal bulan Mac.



19 Februari 2024 - Mesyuarat Pra Lawatan

YB Dato Haji Mohd Suhaimi, Ahli Parlimen Langkawi bersama Pegawai Khas, Ketua Penolong Pegawai Daerah, 4 orang Penolong Pegawai Daerah dan 5 Penghulu Mukim telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah Langkawi, Tuan Mohamad Subhi.

Perbincangan ini terjurus kepada pengenalan APPGM-SDG, tujuan pihak APPGM-SDG ke lawatan pemetaan isu di Parlimen Langkawi. Tarikh lawatan tapak bagi Parlimen Langkawi adalah 7 sehingga 9 Mac 2024. Pegawai Daerah juga telah bersetuju sesi dialog antara agensi bagi Parlimen Langkawi pada 10 Mac 2024.



1: Sesi Dialog bersama Warga Pendidik

Sesi FGD 1 ini melibatkan warga pendidik di SMK Kedawang. Sesi ini telah dihadiri oleh - iaitu Pengetua dan Penolong Kanan di SMK Kedawang. Antara isu yang telah diutarakan adalah : **(1)** kadar ponteng sekolah yang semakin meningkat disebabkan oleh pelajar memilih untuk bekerja, **(2)** pengaruh negatif media sosial terhadap pendidikan anak-anak, **(3)** tahap kerjasama dan penguatkuasaan agensi dalam mengawal isu pekerja bawah umur.



2. Sesi Dialog bersama Pemimpin Tempatan

Sesi FGD 2 telah dihadiri oleh Wakil Ahli Parlimen, Penghulu Mukim, Ketua Kampung Chandek Kura dan 4 orang Penduduk Kampung. Antara isu yang telah diutarakan adalah **(1)** masalah longkang kecil dan tidak diselenggara secara berkala mengakibatkan banjir kilat, **(2)** tekanan air yang rendah, air keruh dan kotor di kebanyakan kawasan Parlimen Langkawi, **(3)** masalah pembelian minyak petrol untuk nelayan yang terhad iaitu 20 liter sehari sahaja dan **(4)** Ketidakpuasan dan persoalan mengenai caj bayaran (permit sementara) yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Langkawi terhadap program kemasyarakatan.



3. Lawatan Tapak 1 - Perparitan Kampung Chandek Kura

Para penyelidik dibawa melawat kawasan yang menghadapi masalah perparitan di Kampung Chandek Kura. Hal ini disebabkan oleh keadaan longkang yang sempit dan tiada penyelenggaraan longkang selama 20 tahun yang telah menyebabkan banjir kilat di kampung tersebut. Ketiadaan penyelenggaraan daun-daun dari pokok-pokok jati disekitar jalan raya turut menjadi punca longkang tersumbat. Kesannya air daripada longkang tidak dapat lagi ditampung dan membawa kepada banjir kilat sewaktu musim hujan.



4. Sesi Dialog bersama Pengusaha Jetski

Sesi FGD 3 ini melibatkan Pengusaha Jetski di Pantai Chenang. Sesi ini telah dihadiri oleh - iaitu Wakil Ahli Parlimen, Penghulu Mukim, Ketua Kampung Chandek Kura dan 13 Pengusaha Jetski. Antara isu yang telah diutarakan adalah **(1)** sistem Baru Pembidaan yang diperkenalkan oleh Majlis Perbandaran Langkawi untuk tapak operasi (*Kiosk*) sangat membebankan pengusaha dan tidak mencerminkan keadaan fasiliti yang disediakan **(2)** masalah pembelian minyak petrol untuk jetski sangat terhad iaitu 100 liter sehari untuk setiap pengusaha **(3)** kekurangan pendapatan harian disebabkan kurang promosi dan kekurangan pelancong ke Langkawi dan **(4)** kepelbagaian lesen dan kadar caj terhadap pengusaha jetski membebankan dan tidak munasabah.



5. Sesi Dialog bersama *Langkawi Taxi Association*

Sesi FGD4 yang melibatkan ahli jawatankuasa yang mewakili komuniti pemandu teksi di Langkawi. Terdapat 4 orang peserta yang hadir dan mengutarakan beberapa isu, antaranya **(1)** tahap mempromosikan sektor pelancongan di Langkawi yang semakin berkurangan, **(2)** monopoli Grab memudaratkan pendapatan pemandu iaitu perubahan struktur harga tambang asas Grab Malaysia kepada RM4 mencetuskan ketidakpuasan hati dan **(3)** ketiadaan platform untuk menyuarakan permasalahan dalam kalangan sektor perkhidmatan teksi.



6. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Padang Lunas dan Kampung Kuah

Sesi FGD 5 yang melibatkan ahli KRT dan penduduk-penduduk di Kg Kuah dan Kg Padang Lunas. Tambahan wakil Ahli Parlimen dan Penghulu Mukim Kuah. Sesi kali ini melibatkan ramai peserta yang hadir lelaki dan perempuan dari pelbagai usia dan mengutarakan beberapa isu terdesak, antaranya adalah **(1)** masalah air yang sangat kritikal, **(2)** ketiadaan tong sampah di kawasan yang berdekatan dan **(3)** ketiadaan longkang yang mengakibatkan banjir kilat. Selesai sahaja sesi dialog tersebut, para penyelidik dibawa melawat ke lokasi-lokasi berkaitan dengan isu-isu tersebut.



7. Lawatan Tapak 2: Lawatan tapak ke Tempat Telaga Tiub

Para penyelidik dibawa melawat ke kawasan tapak yang berpotensi dijadikan tempat Telaga Tiub untuk membantu penduduk tempatan dalam mendapatkan sumber air yang bersih. Seterusnya menjadi satu mekanisme ketika masalah air berlaku.



8. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Kilim

Sesi FGD 6 ini melibatkan Penghulu Mukim Ayer Hangat, Wakil Ahli Parlimen dan 7 orang Penduduk Kampung Kilim. Antara isu yang diutarakan adalah **(1)** kekerapan banjir kilat disebabkan oleh sistem perparitan dan longkang yang kecil dan **(2)** kadar penyalahgunaan dadah yang tinggi dalam kalangan belia dan ketua isi rumah. Kampung Kilim diperkenalkan sebagai kawasan 'hotspot'. Isu lain yang turut dibincangkan adalah **(3)** masalah anjing liar yang menyebabkan kemalangan pengguna jalan raya dan **(4)** masalah ketiadaan air di Mukim Ayer hangat yang tiada jalan penyelesaian.



9. Sesi Dialog bersama Komuniti Kg Padang Lalang

Sesi FGD ini melibatkan dua kumpulan sasaran iaitu kumpulan petani dan nelayan pesisir pantai Jeti Pasir Hitam. Sesi ini dihadiri oleh Penghulu Mukim Ayer Hangat, wakil Ahli Parlimen, wakil Pertubuhan Peladang Kawasan, 3 orang nelayan dan 7 orang petani sawah. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan iaitu:

Kumpulan Nelayan

1. Nelayan turun ke laut tanpa lesen disebabkan oleh kuota lesen dibekukan.
2. Pendapatan nelayan pesisir pantai yang terjejas, kesan daripada aktiviti disebabkan oleh aktiviti pencerobohan pukat tunda dan bot ikan bilis.

Kumpulan Petani

1. Kekurangan bekalan air jeaskan pendapatan petani.
2. Kekurangan mesin jentuai padi jejas pengeluaran padi. Kuota bagi 1 mesin jentuai padi hanya mampu menampung 50 ekar sawah bendang.
3. Kos input pertanian yang tinggi dan tiada kawalan daripada agensi terlibat.



10. Sesi Dialog bersama Komuniti Kepulauan Tuba

Sesi FGD ini melibatkan ketua kampung, AJK kampung dan penduduk kampung di Kepulauan Tuba. Turut dihadiri Wakil Ahli Parlimen and Penghulu Mukim Kuah. Terdapat beberapa isu yang terdesak dibangkitkan antaranya ialah **(1)** Ketiadaan mesin ATM untuk penduduk Kepulauan Tuba yang melebihi 5000 orang, **(2)** Kesukaran dalam mendapatkan bekalan minyak disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi dan **(3)** Masalah pembinaan breakwater yang tidak siap dibina membawa kesukaran kepada nelayan untuk ke laut.



11. Sesi Dialog Bersama Ahli Lembaga Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat

Sesi FGD 9 melibatkan ketua kampung, AJK kampung, Wakil Ahli Parlimen, Penghulu Mukim Kuah dan 5 Ahli Lembaga Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat di Restoran Terapung. Terdapat beberapa isu yang diutarakan adalah **(1)** kekurangan promosi pelancongan ke Pulau Tuba, **(2)** penanaman mangrove terjejas berpunca daripada aktiviti memukat oleh warga asing dan **(3)** kuota pembelian minyak petrol yang sangat terhad.



12. Lawatan Tapak 3 : Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak di Jeti Teluk Puyoh

Para penyelidik dibawa melawat kawasan benteng pemecah ombak atau breakwater di Jeti Teluk Puyoh yang terbengkalai dan tidak siap. Projek ini umpama projek gajah putih dimana telah membawa kesusahan kepada nelayan untuk ke laut disebabkan air yang semakin cetek dan halangan lumpur.



13. Sesi Dialog bersama Kumpulan Nelayan

FGD 10 ini melibatkan komuniti nelayan bagi 4 jeti di Pulau Tuba. Sesi ini dihadiri oleh Penghulu Mukim Kuah, wakil Ahli Parlimen, Ketua kampung dan 22 orang nelayan tempatan. Antara isu yang diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Kos bahan mentah yang terlampau tinggi **(2)** isu pencerobohan pukat tunda yang bukan hanya merosakkan aktiviti tangkapan milik nelayan persisiran pantai seperti jaring, malah turut merosakkan ekosistem marin laut serta **(3)** bekalan minyak yang tidak mencukupi dan tidak menampung keperluan penduduk kampung di Kepulauan Tuba.



14. Lawatan Tapak 4: Projek Tuba & Selat Bagan Nyior Homestay Community Development oleh Rakan Solusi APPGM-SDG

Para penyelidik diberi peluang melawat salah satu homestay peserta projek kerjasama APPGM-SDG dan Friends of Langkawi Geopark (FLAG). Projek ini telah berjaya dijalankan dengan fokus menggalakkan pendapatan tambahan kepada pemilik homestay (peserta) dengan beberapa sesi perkongsian dan bengkel kemahiran



15. Lawatan Tapak 5 : Jeti Bagan Pauh

Para penyelidik dibawa melawat Jeti Bagan Pauh yang telah runtuh sejak 3 tahun yang lalu. Permohonan telah dibuat kepada agensi berkaitan untuk membaik pulih, namun masih belum ada jawapan.



16. Mesyuarat Bersama Penghulu di Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

Satu sesi mesyuarat bersama para penghulu telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi selepas terdapat masalah komunikasi antara Pejabat Daerah dengan agensi kerajaan yang telah menyebabkan kegagalan meneruskan Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan pada harini. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi telah memutuskan untuk mengadakan Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan pada hari Khamis, 21 Mac 2024.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.004 LANGKAWI (KEDAH)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Langkawi ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia.</i></p>		 <p>YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah</p>																									
Parlimen	P 004																										
Kawasan	Langkawi																										
Negeri	Kedah																										
Jumlah penduduk	<p>438,745 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>326,865</td> <td>74.5</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>74,587</td> <td>17.0</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>35,100</td> <td>8.0</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>2,193</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>438,745</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sumber: <i>Statistik Subnasional Parlimen dan Dun - Parlimen Langkawi, Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	326,865	74.5	2.	Cina	74,587	17.0	3.	India	35,100	8.0	4.	Lain_lain	2,193	0.5	JUMLAH KESELURUHAN		438,745	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	326,865	74.5																								
2.	Cina	74,587	17.0																								
3.	India	35,100	8.0																								
4.	Lain_lain	2,193	0.5																								
JUMLAH KESELURUHAN		438,745	100.00																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan: Sebagai destinasi pelancongan terkenal, Langkawi menarik pelancong domestik dan antarabangsa dengan tarikan seperti pantai yang indah, geopark yang diiktiraf UNESCO, dan acara seperti Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA). Industri pelancongan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi tempatan. • Perkhidmatan: Aktiviti kewangan, insurans, hartanah, perkhidmatan profesional dan kesenian merekodkan aktiviti ekonomi yang paling aktif. 																										
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Siti Noraiysah binti Rohim: Ketua Penyelidik dan Penulis Laporan 2. James Ryan Raj: Pengarah 3. Mastura binti Mohamad: Pembantu Penyelidik 4. Darshini Rawichandran: Pembantu Penyelidik 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 FGD dan 5 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Langkawi dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Tanah dan Daerah Langkawi.

TARIKH	PERKARA
7 Mac 2024, Khamis	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Warga Pendidik SMK Kedawang • Dialog Bersama Pemimpin Tempatan Kg Chandek Kura • Lawatan Tapak Perparitan Kg.Chandek Kura • Dialog Bersama Pengusaha Jetski • Dialog Bersama Langkawi Taxi Association
8 Mac 2024, Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Kampung Padang Lunas dan Kampung Kuah • Lawatan Tapak ke Tempat Telaga Tiub • Dialog Bersama Komuniti Kampung Kilim • Dialog Bersama Komuniti Kg Padang Lalang
9 Mac 2024, Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Kepulauan Tuba • Dialog Bersama Ahli Lembaga Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat • Lawatan Tapak ke Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak di Jeti Teluk Puyoh • Dialog bersama Kumpulan Nelayan • Lawatan Tapak ke Projek Tuba dan Selat Bagan Nyior <i>Homestay Community Development</i> • Lawatan Tapak ke Jeti Bagan Pauh
21 Mac 2024, Selasa	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog bersama agensi kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Keciciran Pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Guru SMK Kedawang • Pelajar sekolah menengah dan rendah • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua SMK Kedawang mengatakan masalah ponteng sekolah di Parlimen Langkawi adalah agak tinggi 	<p>Pegawai Pendidikan Daerah (PPD): Masalah ponteng sekolah di Langkawi telah menjadi isu berlarutan sejak sekian lama. Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Daerah, dan beberapa intervensi telah dicadangkan. Salah satu langkah utama ialah penubuhan pasukan task force yang melibatkan pelbagai jabatan di Langkawi, bertujuan menangani masalah tersebut dengan lebih berkesan.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Kadar ponteng sekolah adalah lebih 1,000 orang sehari bagi semua sekolah di Langkawi 	<p>Pegawai Pendidikan Daerah (PPD): Masalah ponteng sekolah di Langkawi adalah lebih ketara di kalangan pelajar sekolah menengah, dengan kadar kehadiran purata pada tahun 2023 berada di sekitar 84%, dan ada sekolah yang mencatatkan hanya 79%. Ini jauh ketinggalan berbanding KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu 95%.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat tiga faktor utama yang menjadi punca kecenderungan para pelajar untuk ponteng sekolah iaitu faktor persekitaran (ibu bapa), 	<p>Pegawai Pendidikan Daerah (PPD): Hasil kajian mengenai punca ponteng sekolah di Langkawi menunjukkan bahawa faktor bekerja dalam kalangan pelajar hanya menyumbang peratusan yang kecil sahaja. Punca utama yang</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>peluang pekerjaan dan faktor ketiga iaitu masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Faktor kemiskinan dan kesedaran kepada kepentingan pendidikan yang masih rendah 	<p>dikenal pasti adalah berkaitan dengan sikap pelajar dan ibu bapa.</p> <p>Pegawai Pendidikan Daerah (PPD): Berdasarkan kajian yang dijalankan, kemiskinan bukanlah faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah, kerana peratusan sangat kecil. Pihak sekolah diingatkan agar tidak menggunakan alasan kemiskinan sebagai punca pelajar tidak hadir, memandangkan terdapat banyak agensi yang menyediakan bantuan kewangan. Walaupun begitu, faktor pengangkutan menjadi isu kecil, terutamanya di kawasan seperti Ayer Hangat</p>
<p>Penguatkuasaan terhadap isu pekerja bawah umur masih rendah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar sekolah ● Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Isu pekerja bawah umur dalam kalangan pelajar sekolah yang disebabkan oleh masalah keluarga. ● Mereka bekerja sebagai "<i>beach boy</i>" dan melakukan aktiviti seperti bermain api di Pantai Cenang. ● Pemantauan diperlukan untuk mengelakkan masalah sosial lain daripada timbul. 	<p>Pegawai Pendidikan Daerah (PPD): Tidak ramai pelajar yang bekerja di bawah umur, hanya pada waktu cuti sekolah sebagai <i>part time</i>.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kehadiran pelancong berkurangan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengusaha Jetski di kawasan Pantai Cenang ● Penduduk setempat ● Pemandu teksi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kekurangan operasi perkhidmatan feri menyukarkan pelancong untuk masuk ke Langkawi, mengakibatkan bilangan pelancong yang hadir semakin berkurangan. ● Pengurangan promosi produk pelancongan baru di Langkawi. ● Tiada penerbangan langsung antarabangsa yang memberi kesan kepada kedatangan pelancong asing, menyebabkan industri hanya bergantung kepada pelancong tempatan. 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>
Masalah rempit	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Masalah rempit di jalan utama berlaku dengan kekerapan dua kali seminggu, termasuk malam Jumaat. ● Pihak KRT Kampung Chandek Kura tidak mampu berbuat apa-apa untuk menangani isu ini. 	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM): Pihak berkuasa telah meningkatkan kawalan di kawasan Chandek Kura dan Mata Air dengan menempatkan anggota secara bergilir, menggunakan kereta peronda dan motosikal, terutama dari pukul 1:30 pagi hingga 5 pagi. Usaha ini telah berjaya mengurangkan masalah, termasuk rampasan motosikal yang diubah suai secara haram, terutamanya melibatkan golongan muda.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Keadaan jalan yang sempit	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Di Mukim Kuah, termasuk Taman Delima, Taman Rima Emas, dan Kampung Padang Lunas, memerlukan pembesaran jalan. • Ini disebabkan oleh peningkatan kadar kenderaan dan pengguna jalan. • Permasalahan timbul apabila terdapat pertembungan antara dua kenderaan, yang boleh mengakibatkan kesesakan dan risiko kemalangan. 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan):</p> <p>Jalan luar bandar mempunyai saiz <i>standard</i> yang telah ditetapkan, di mana ia tidak boleh dikecilkan atau dibesarkan kerana ia perlu mematuhi spesifikasi tertentu. Sekiranya jalan tersebut dikecilkan, ia tidak akan memenuhi piawaian yang diperlukan untuk jalan luar bandar, dan jika diperbesar, ia akan kurang sesuai dengan spesifikasi jalan JKR.</p> <p>Di peringkat daerah, jalan kampung dikekalkan dengan saiz yang sama. Walau bagaimanapun, peningkatan kapasiti penduduk, terutamanya semasa waktu puncak seperti ketika sekolah bermula atau tamat, boleh menyebabkan kesesakan. Selain itu, terdapat juga isu melibatkan tanah individu, di mana persetujuan daripada pemilik tanah perlu diperolehi sebelum jalan dapat diperbaiki atau diselenggara. Tanpa persetujuan pemilik tanah, jalan tersebut tidak boleh dibaik pulih sesuka hati, dan peruntukan hanya akan diberikan kepada kawasan yang menghadapi masalah dan telah mendapatkan persetujuan.</p>
Kekurangan lampu jalan di	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Di kawasan Kedawang seperti Kampung Cherok Genali dan 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan):</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
beberapa buah kampung		<p>Kampung Darat Benta, menyebabkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan pada waktu malam disebabkan jarak yang jauh antara satu lampu ke lampu yang lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di kawasan Mukim Kuah, termasuk Kampung Padang Lunas dan sekitarnya, kemudahan lampu jalan sangat terhad. • Penduduk di Taman Delima terpaksa melalui suasana kelam dan gelap, terutama pada waktu malam, yang membahayakan keselamatan mereka. • Keadaan lampu jalan yang kurang terang juga telah menyebabkan peningkatan kes kecurian bateri kenderaan dan membahayakan penduduk serta harta benda. 	<p>Isu kelewatan pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di Langkawi, yang telah lama diminta sejak tahun 2020. Walaupun data, lokasi, dan jumlah tiang lampu telah disediakan secara terperinci mengikut mukim dan kampung, sehingga kini hanya sedikit atau tiada lampu yang dipasang. Pertukaran nama kementerian daripada KPLB kepada KKDW serta perubahan menteri turut disorot sebagai faktor yang menyumbang kepada kelewatan ini. Akibatnya, komuniti dan pihak kampung merasa kecewa kerana permintaan yang berulang kali tidak ditunaikan, dan akhirnya tanggungjawab atau kesalahan diletakkan pada Pejabat Daerah.</p> <p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi:</p> <p>Program Lampu Jalan Kampung (LJK) dahulunya banyak diluluskan, namun kebelakangan ini kelulusan program tersebut semakin berkurangan. Jika ada pun, hanya melibatkan satu kawasan sahaja.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Dewan orang ramai yang tidak mampu menampung kapasiti sedia ada.	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kampung Kilim 	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Kampung Kilim telah menyuarakan keperluan untuk menambah baik dan membesarkan dewan orang ramai sedia ada disebabkan pertambahan bilangan penduduk. Selain itu, tiada pusat aktiviti kemasyarakatan atau pusat aktiviti belia di kawasan tersebut. Penambahbaikan dewan ini diharapkan dapat menjadikannya pusat aktiviti masyarakat pada masa akan datang. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (Penghulu Mukim Ayer Hangat):</p> <p>ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan) pernah merancang untuk membina dewan serbaguna (Mukim Ayer Hangat) di atas tanah kerajaan, tetapi terdapat isu status tanah kerana ia belum digazetkan untuk sebarang projek. Pada tahun 2021, permohonan telah dibuat di bawah Seksyen 62 untuk gazetkan tanah tersebut sebagai tapak dewan serbaguna dan padang. Namun, terdapat ketidakpastian sama ada ICU telah meluluskan permohonan tersebut atau mengemukakan tindakan lanjut.</p>
Kekurangan Infrastruktur dan keperluan penyelenggaraan di Kepulauan Tuba	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk mendapatkan Dewan Orang Ramai di Kg Selat Nyior disebabkan penduduk makin bertambah. • Jalan mini tar yang sedia ada sangat sempit dan memerlukan naik taraf (Kg Selat Nyior), • Banyak kawasan pelancongan, jalan pecah, van tidak boleh 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan):</p> <p>Mengenai dewan orang ramai, terdapat cadangan untuk menaik taraf beberapa dewan, bergantung kepada bajet dan keutamaan.</p> <p>Untuk jalan-jalan yang rosak, jalan negeri berada di bawah tanggungjawab JKR, manakala jalan-jalan kampung kecil diuruskan oleh Pejabat Daerah.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>masuk di Kepulauan Tuba (Dari pulau ke Selat Bagan Nyior ke Tanjung Pandan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jalan ke Jeti Teluk Puyoh yang sangat daif, tidak sempurna (ada yang berturap dan tidak berturap) • Kekurangan lampu jalan di Kepulauan Tuba. • Ketiadaan bot kecemasan untuk perkhidmatan kesihatan. Sekiranya berlaku kecemasan pada waktu malam, terpaksa menggunakan <i>charter boat</i> dengan bayaran RM200. • Ketiadaan mesin ATM walaupun bertahun lama perkara ini disuarakan namun tiada perkembangan. 	<p>Lampu jalan telah diajukan, tetapi masih tiada tindakan diambil. Bot kecemasan sedang dalam proses tindakan, dan projek Jeti Teluk Puyoh pula berada di bawah kelolaan ICU.</p>
<p>Status perkembangan membaik pulih jeti masih tergantung</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti Bagan Pauh dan Jeti Lubok Cempedak. 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat dua jeti dalam keadaan teruk iaitu Jeti Bagan Pauh dan Jeti Lubok Cempedak. Jeti Bagan Pauh mengalami keruntuhan di bahagian 	<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi: Ia bergantung kepada bilangan dan kapasiti penduduk di Pulau Tuba</p> <p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan): Status jeti Bagan Pauh yang runtuh kini dalam proses pelaksanaan oleh JPS, dengan peruntukan sebanyak RM8 juta daripada LADA. JPS sedang</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>hadapan, dan walaupun surat permohonan telah dihantar dan diluluskan, projek baik pulih masih belum bermula. Sementara itu, Jeti Lubok Cempedak, yang merupakan jeti utama untuk bot penambang, berada dalam keadaan sangat uzur, namun permohonan yang dihantar masih belum mendapat jawapan.</p>	<p>menjalankan kajian, membuat reka bentuk, dan menyiapkan tender untuk projek tersebut. Bagi Jeti Telok Cempedak, yang hampir runtuh, ia akan dibaiki hanya selepas projek jeti Bagan Pauh disiapkan. Mereka tidak akan menjalankan kedua-dua projek serentak.</p>
Masalah capaian internet	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Bagan Asam, Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Bagan Asam, Pulau Tuba menghadapi masalah ketiadaan rangkaian internet. Walaupun pencawang telah dibina dan siap pada Januari 2024, ia masih belum beroperasi. 	<p><i>isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.</i></p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kampung Padang Lunas dan kawasan sekitar, Mukim Kuah 	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap kestabilan rangkaian internet di sekitar Kampung Padang Lunas dan kawasan taman berdekatan semakin berkurangan disebabkan oleh 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>peningkatan bilangan pengguna.</p>	
<p>Kebimbangan dan kekeliruan terhadap caj baharu untuk masuk ke Pulau Tuba</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk di Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat ura-ura mengatakan pelaksanaan caj bayaran masuk ke Pulau Tuba melalui Jeti Pekan Rabu, di mana harga bagi seorang adalah RM4. • Bayaran ini berbeza dengan caj untuk menaiki bot ke Pulau Tuba. 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan): Jeti yang baru siap di hadapan sungai telah dibina oleh LADA, dan LADA akan melantik satu badan untuk menguruskan jeti tersebut. Penduduk tempatan akan dikecualikan daripada bayaran untuk menggunakan jeti, manakala pelancong mungkin dikenakan caj.</p> <p>Langkawi Development Authority (LADA): Menurut LADA, sehingga kini, belum ada keputusan atau kenyataan rasmi yang menyatakan caj akan dikenakan kepada penduduk tempatan.</p>
<p>Penyalahgunaan dadah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Kuah dikenal pasti sebagai kawasan yang mempunyai masalah dadah yang tinggi. • Penduduk Kampung Kilim juga menyuarkan isu yang sama di kawasan mereka. 	<p>Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK): Kuah di Langkawi telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi dalam isu dadah, menjadi tumpuan utama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) tahun ini. Kawasan ini, bersama dengan Kedawang dan Ulu Melaka, telah disenaraikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam senarai 155 kawasan berisiko di seluruh Malaysia.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Namun, AADK memberi fokus khusus pada Kuah untuk tindakan dan program pencegahan pada tahun ini, dengan tujuan "menghijaukan" kawasan tersebut berdasarkan indikator AADK.</p> <p>Untuk mencapai matlamat ini, terdapat jawatankuasa pemulihan dadah dan skuad antidadah yang terdiri daripada sukarelawan. Program-program pencegahan yang dilaksanakan oleh AADK menekankan pendekatan komuniti, dengan memberikan kesedaran kepada penduduk agar mereka dapat bangkit dan terlibat semula dalam usaha membanteras isu dadah di kawasan mereka.</p>
ISU EKONOMI			
Kenaikan kos sara hidup	<ul style="list-style-type: none"> ● Kg Chandek Kura ● Pulau Tuba ● Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kenaikan kos utiliti. ● Kekurangan stok barangan asas. ● Di Pulau Tuba, kos-kos bahan mentah jauh lebih tinggi berbanding kawasan lain. ● Harga beras tempatan yang tinggi dan kesukaran mendapatkan beras tempatan. 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kos operasi tinggi untuk pengusaha jetski	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha Jetski 	<ul style="list-style-type: none"> • Caj tambahan dikenakan oleh Lembaga Sumber Air Negeri Kedah sebanyak RM50 setahun bagi setiap jetski. • Pengusaha terpaksa membayar caj lain seperti sewa tempat dan permit perniagaan yang meningkatkan beban kewangan. 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>
Kos operasi tambahan untuk pemandu teksi	<ul style="list-style-type: none"> • Langkawi Taxi Association 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan perkhidmatan kaunter rasmi di Langkawi memaksa pemandu teksi pergi ke Alor Setar untuk urusan rasmi, meningkatkan kos operasi. 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>
Persaingan dengan Grab	<ul style="list-style-type: none"> • Langkawi Taxi Association 	<ul style="list-style-type: none"> • Hampir 95% pemandu teksi juga menggunakan platform Grab untuk menambah pendapatan. Persaingan ini tidak adil kerana harga tambang Grab lebih murah dan tidak terkawal, yang menjejaskan pendapatan pemandu teksi 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kurangny sokongan kerajaan	Langkawi Taxi Association	<ul style="list-style-type: none"> • Pemandu teksi menyuarakan kekurangan bantuan kewangan berbanding sektor perniagaan kecil lain dan mencadangkan bantuan kewangan kepada persatuan untuk pinjaman tanpa faedah kepada ahli 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>
Gangguan bekalan minyak di Kepulauan Tuba	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan dan Penduduk setempat di Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Stesen BuroqOil sering mengalami masalah kehabisan minyak, dengan tempoh menunggu bekalan yang lama. • Masalah ini memberi kesan besar kepada penduduk Kepulauan Tuba, terutama nelayan, disebabkan oleh kelewatan bayaran kos pengangkutan yang ditanggung kerajaan. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (Penghulu Mukim Kuah):</p> <p>Isu utama berkaitan petrol di Pulau Tuba adalah tangki minyak yang kecil. Jika ada peruntukan geran untuk memperbesar tangki tersebut, stok petrol dapat ditambah. Selain itu, terdapat caj tambahan yang sepatutnya ditanggung oleh kerajaan, bukan oleh pengusaha. Bantuan kerajaan yang sepatutnya membantu pengusaha sering lambat diterima. Masalah lain ialah kapal tangki sukar masuk ke pulau disebabkan pasang surut. Cadangan beliau adalah agar kerajaan menyediakan geran khas untuk membina tangki yang lebih besar, yang dianggarkan berharga hampir RM100,000.</p>
Kekeliruan terhadap caj yang dikeluarkan oleh Majlis	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat di Kg Chandek Kura 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat keraguan berkenaan caj yang dilaksanakan oleh Majlis terhadap program komuniti. Sebagai contohnya, 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Perbandaran Langkawi untuk program berbentuk komuniti.		<p>penduduk Kg Chandek Kura terpaksa membayar RM100 untuk program komuniti tanpa sebarang bentuk perkhidmatan (i.e. tong sampah) disediakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terbaru, penduduk terpaksa membayar RM250 sebagai caj penggunaan ruang udara oleh Menara CAAM Airport untuk program wau komuniti. 	
Sistem bidaan yang membebaskan pengusaha jetski	Pengusaha Jetski di kawasan Pantai Cenang	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha jetski di Pantai Cenang berhadapan dengan proses bidaan dalam mendapatkan kiosk yang tidak telus. • Kenaikan mendadak harga sewa melalui bidaan. • Beban kewangan akibat bidaan. • Pengusaha lama terpaksa bersaing dengan pengusaha baru dalam bidaan, menyebabkan tekanan kepada 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mereka yang gagal memenangi bidaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Sistem bidaan memperlihatkan peluang keuntungan untuk Majlis. ● Bantahan pengusaha terhadap sistem bidaan tidak dilayan. 	
Caj/kadar sewa yang tidak menentu	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengusaha Jetski di kawasan Pantai Cenang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Caj sewa khemah dinaikkan dari RM500 ke RM3,500 sebulan tanpa peningkatan fasiliti. ● Sistem bidaan yang tertutup menyebabkan ketidaktentuan dalam sewa yang dikenakan. ● Deposit tinggi diperlukan untuk sewaan khemah yang menyebabkan beban kewangan tambahan kepada pengusaha jetski. 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>
Limitasi pembelian minyak petrol	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengusaha Jetski Pantai Cenang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Masalah pembelian minyak petrol untuk jetski sangat terhad iaitu 100-liter sehari untuk setiap pengusaha 	<i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
dan diesel yang terhad.	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menurut pengusaha, kapasiti setiap 1 jetski adalah 50 litre, dan 100 litra hanya mampu menampung keperluan jetski sahaja • Had kuota ini baru diperkenalkan pada tahun 2024, memberi kesan besar kepada kelangsungan perniagaan jetski. • Had pembelian minyak tidak mencukupi. • Nelayan hanya dibenarkan membeli 35-liter diesel bersubsidi sehari, tetapi keperluan sebenar mereka adalah sekitar 55 liter. 	<p>Persatuan Nelayan Kawasan Langkawi: Nelayan sudah menerima subsidi minyak dengan kuota maksimum 50 liter, bergantung kepada kuasa kuda enjin bot. Namun, isu timbul bagi nelayan yang tidak layak mendapat subsidi, kerana mereka terpaksa membeli minyak pada harga biasa. Kuota pembelian minyak tanpa subsidi dihadkan kepada 20 liter setiap kali pembelian, dan hal ini ditetapkan oleh KPDN, bukan LKIM. Had ini dikenakan atas faktor keselamatan, untuk mengelakkan risiko kebakaran jika membawa terlalu banyak minyak.</p>
Tahap penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan Pasir Hitam, Mukim Ayer Hangat dan Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan memohon pemantauan berkala untuk bot pukut tunda dan bot bilis 	<p><i>Tiada ulasan daripada mana-mana agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
perairan yang lemah		<ul style="list-style-type: none"> Nelayan warga asing bebas keluar masuk perairan negara serta menangkap hasil laut yang sepatutnya menjadi hasil tangkapan nelayan persisiran pantai. 	
Masalah bekalan air menjejaskan ekonomi pesawah	<ul style="list-style-type: none"> Petani Kg Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat 	<ul style="list-style-type: none"> Ketiadaan air, terutamanya pada musim kemarau, memberi kesan yang sangat teruk kepada petani di Kampung Padang Lalang Aktiviti mengorek dan mengambil pasir daripada Sungai Tok Puteri telah menghalang air daripada mengalir ke sawah bendang, menyebabkan padi menjadi kering dan pendapatan petani semakin berkurangan. 	<p>Jabatan Pertanian Daerah Langkawi: Kekurangan air di Langkawi memberi kesan kepada penanaman padi, terutamanya kelewatan dalam penanaman padi musim kedua tahun 2023. Para petani gagal menanam mengikut jadual yang ditetapkan, yang seterusnya menyumbang kepada masalah dalam proses pertanian di kawasan tersebut.</p>
Bilangan jentera penuaian hasil pada yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> Petani Kg Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat 	<ul style="list-style-type: none"> Di Kampung Padang Lalang, bilangan mesin jentuai masih tidak mencukupi untuk menampung keluasan kawasan sawah padi yang dianggarkan 	<p>Jabatan Pertanian Daerah Langkawi: Kelewatan dalam proses pertanian di Langkawi disebabkan oleh kekurangan traktor dan mesin menuai. Traktor yang dikendalikan oleh PPNJ Jentera serta pihak swasta tidak mencukupi,</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>kira-kira 5000 relung. Setiap 100 relung bersamaan dengan 50 ekar tanah memerlukan satu jentera penuai hasil.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan mesin jentuai ini menyebabkan kelewatan dalam proses pemotongan padi, yang seterusnya menjejaskan hasil pengeluaran padi apabila padi rosak akibat tidak dituai tepat pada masanya. 	<p>kesannya kelewatan dalam membajak tanah sehingga dua bulan. Kekurangan ini juga mempengaruhi masa penanaman, kerana proses menuai musim pertama lambat diselesaikan, menyebabkan penanaman seterusnya turut tertangguh.</p>
<p>Kos input pertanian yang meningkat dan kurang kawalan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani • Kg Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan tempat pembenihan benih padi menyebabkan petani terpaksa mendapatkan bekalan benih dari luar. • Kos benih padi pula semakin meningkat, walaupun harga kawalan benih padi ditetapkan pada RM45, namun harganya dijual sehingga RM75 per guni (20kg). • Selain itu, kualiti benih juga sering dipersoalkan. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi racun yang tidak mencukupi memaksa petani membeli racun lain dengan harga yang mahal, di mana satu botol racun boleh mencecah RM180. 	
<p>Harga penjualan padi yang kurang memuaskan dan tidak selaras</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Petani • Kg Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga jualan padi terkini di Langkawi adalah RM1,300 bagi setiap tan. Namun, di negeri-negeri lain, harga jualan oleh kilang mencecah RM1,500 hingga RM1,900. • Harga penjualan padi yang lebih rendah ini menyebabkan petani di Langkawi tidak mampu menampung kos operasi penanaman padi yang tinggi. 	<p>Jabatan Pertanian Daerah Langkawi: Harga padi di Langkawi dikawal oleh BERNAS. BERNAS bertanggungjawab membeli semua hasil padi daripada petani dan menghantar padi tersebut ke kilang di tanah besar untuk diproses.</p>
<p>Kenaikan kos peralatan menangkap ikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga jala, pukot, generator, dan peralatan tangkapan ikan telah meningkat sebanyak 50%. Sebagai contoh, harga pukot udang kini adalah RM150, 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		berbanding dua tahun lepas yang hanya RM93.	
Kesukaran nelayan pantai dalam mendapatkan lesen	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan, Jeti ● Pengkalan Nelayan ● Kampung Telok Berembang 	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan untuk mendapatkan lesen telah dibuat sejak berpuluh tahun yang lalu, namun sehingga kini masih belum berjaya 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Persaingan petani tempatan dan warga asing dalam sektor pertanian	<ul style="list-style-type: none"> ● Petani ● Penduduk Kg Padang Lalang, Mukim Ayer Hangat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilangan petani Rohingya yang meningkat pesat menyebabkan persaingan sukar bagi petani tempatan kerana harga jualan sayur mereka lebih rendah di pasar tani. ● Penggunaan racun yang tinggi oleh petani warga asing juga menimbulkan risiko kesihatan pengguna. ● Penguatkuasaan dan pemantauan diperlukan untuk mengawal penggunaan racun ini. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Pencerobohan pukut tunda atau tarik ke kawasan nelayan persisiran pantai	<ul style="list-style-type: none"> ●Nelayan persisiran Pantai di Kepulauan Tuba ●Nelayan di Pantai Pasir Hitam 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pencerobohan ke zon nelayan pesisir pantai setiap malam menjejaskan ekosistem laut, merosakkan pukut dan tukang nelayan, serta mengurangkan hasil tangkapan. ● Hasil tangkapan nelayan pesisir merosot teruk sejak tiga tahun lalu, contohnya hanya mendapat tiga ekor udang sehari berbanding hasil yang banyak dahulu. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Nelayan yang baru berdaftar belum menerima subsidi minyak.	●Nelayan Jeti Teluk Bujur	● Terdapat beberapa nelayan di Pulau Tuba yang masih belum menerima subsidi minyak walaupun sudah setahun mendapat kad nelayan.	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
ISU ALAM SEKITAR			
Ancaman hidupan liar dan haiwan ternakan yang berkeliaran	●Penduduk setempat Kg Chandek Kura, Kg Kilim, dan Taman Dahlia	<ul style="list-style-type: none"> ● Tahap anjing berkeliaran adalah tinggi. ● Perkara ini membawa implikasi buruk seperti terdapat pelancong yang digigit anjing, 	<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi:</p> <p>Anjing liar tidak boleh dikurung kerana sifat semula jadinya adalah untuk hidup bebas, berbeza dengan haiwan ternakan. Isu anjing liar adalah sesuatu yang alami, dan masyarakat perlu menerima keadaan ini.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mengganggu keselamatan penduduk.</p>	<p>Baru-baru ini, Pegawai Daerah telah berbincang dengan pencinta haiwan, termasuk pecinta anjing, serta wakil dari LADA mengenai isu ini. Berbanding kucing, kos penjagaan anjing adalah lebih tinggi, dengan kos ubat sahaja mencapai puluhan ribu ringgit sebulan, termasuk RM21 ribu untuk penyelenggaraan bulanan.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat ● Mukim Kedawang ● Mukim Kuah ● Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> ● Banyak haiwan ternakan yang berkeliaran dan tidak ditambat seperti lembu. ● Kes terbaru (lembu berkeliaran) ialah kemalangan yang melibatkan pengguna jalan raya berdekatan Balai Bomba Padang Mat Sirat. 	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (Penghulu Mukim Kuah):</p> <p>Di Langkawi, penternakan dilakukan secara tradisional dan tidak komersial seperti di tanah besar, di mana terdapat tempat khas seperti kandang. Di Langkawi, lembu dan kerbau masih dibiarkan berkeliaran secara bebas, terutama kerana pulau ini merupakan destinasi pelancongan. Penternakan komersial tidak digalakkan kerana kesukaran mendapatkan makanan ternakan, terutamanya semasa musim kemarau yang menyebabkan rumput dan padi kering. Walaupun penternakan bebas dianggap normal, tindakan menangkap lembu-lembu yang dilepaskan bebas dilakukan oleh pihak majlis di bawah akta yang relevan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi:</p> <p>Pihak Majlis Perbandaran telah menjalankan penguatkuasaan dengan menangkap dan melelong ternakan yang dilepaskan bebas.</p> <p>Walaubagaimanapun, terdapat juga pemilik ternakan tersebut yang datang menuntut semula haiwan mereka, sebelum proses lelongan berlaku dengan membayar kompaun.</p>
Perubahan iklim	<ul style="list-style-type: none"> ● Pantai Cenang ● Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Perubahan ini berlaku disebabkan oleh pembangunan yang tidak seimbang ● Terdapat satu bukit di Pantai Cenang juga telah ditarah. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Masalah sampah di kawasan perairan	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan ● Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Dikatakan berpunca daripada kawasan Perkampungan Bukit Malut, penduduk membuang sampah dari tingkap rumah mereka terus ke dalam laut. ● Tambahan masalah sampah di perairan berlaku ketika waktu monsun kesan daripada sampah-sampah yang dibawa daripada perairan Thailand. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Masalah kutipan sampah	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat ● Pulau Tuba ● Kg Selat Bagan Nyior 	<ul style="list-style-type: none"> ● Di Kg Selat Bagan Nyior, longokkan sampah berlaku apabila kapasiti sampah melebihi saiz tong sampah yang kecil. ● Kekerapan sampah dikutip oleh E-Idaman adalah hanya 2 kali seminggu iaitu pada setiap hari khamis dan isnin tidak 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Ketiadaan tong sampah di kawasan berdekatan	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk Setempat ● Mukim Kuah 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk di kawasan Taman Rima Emas dan kampung sekitarnya, terpaksa menumpang tong sampah di kampung lain setelah kemudahan tong sampah di kawasan mereka ditarik balik akibat aduan tentang sampah yang berselerak. ● Terdapat cadangan untuk menyediakan tong sampah di kawasan Futsal LADA, di pintu pagar no. 6, tetapi ini memerlukan persetujuan daripada pihak LADA. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Hutan paya bakau diancam kemusnahan	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan Habitat/ekosistem di kawasan paya bakau disebabkan oleh aktiviti memukat di kawasan tersebut oleh nelayan warga asing 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Masalah banjir kilat yang tiada kesudahan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Kilim 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpunca daripada longkang culvert (pembentung) di bawah jambatan sedia ada terlalu sempit (lokasi: berdekatan Galeri Perdana, Kg Kilim) • Kesannya aliran sungai yang mengalir daripada Durian Pelangi tersekat, menyebabkan limpahan air masuk ke dalam rumah penduduk-penduduk berhampiran sungai tersebut • Hujan lebat anggaran 1 sehingga 2 jam terus menyebabkan banjir kilat. 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan): Penyelesaian untuk mengelakkan banjir adalah dengan membuang jambatan dan tebing yang menghalang aliran air, kerana ia menjadi punca utama banjir kilat di kawasan tersebut.</p> <p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS): Penyelesaian yang dicadangkan adalah membuang tebing yang menyekat, meningkatkan saiz culvert atau menggantikannya dengan <i>box culvert</i> atau titi yang lebih luas.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Padang Lunas 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir kilat di Kampung Padang Lunas disebabkan oleh ketiadaan sistem perparitan yang berkesan. 	<p>Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan): Ia melibatkan pembinaan tanpa kelulusan rasmi di kawasan kampung di Langkawi, yang mengakibatkan ketiadaan sistem perparitan yang</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian banjir boleh mencapai 1 kaki di kawasan rumah yang berada di tanah rendah, melibatkan 10 buah rumah. • Hujan yang berlarutan selama 2 jam sahaja sudah cukup untuk menyebabkan banjir. Situasi ini berlaku 4 hingga 5 kali dalam setahun. 	<p>teratur. Banyak rumah dibina tanpa perancangan saluran yang sesuai, menyebabkan air tidak mengalir dengan betul. Selain itu, terdapat longkang yang dibina separuh jalan, besar di satu bahagian tetapi tidak bersambung ke sungai, menyebabkan aliran air terganggu.</p>
<p>Tahap penyelenggaraan untuk sistem perparitan yang kurang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Di Kedawang, sistem perparitan dari jalan utama seperti di lampu isyarat Kg Chandek Kura memerlukan penambahbaikan kerana keadaan longkang yang sempit dan kurang penyelenggaraan, serta dipenuhi daun-daun pokok jati yang menyebabkannya tersumbat. Keadaan ini mengakibatkan banjir kilat dan limpahan air masuk ke rumah penduduk sekitar semasa hujan lebat. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Masalah gangguan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> ● Mukim Kuah ● Kampung Chandek Kura ● Kg Kilim, Mukim Ayer Hangat ● Pulau Tuba 	<ul style="list-style-type: none"> ● Gangguan air di Kampung Kuah dan seluruh Langkawi yang telah berlaku selama dua tahun ● Terdapat juga masalah paip air yang rosak di tengah laut, dan cadangan untuk menggantikan paip tersebut masih belum diambil tindakan yang sewajarnya ● Sebelum ini, pengurusan air diuruskan oleh syarikat Taliworks melalui kontrak dengan SADA. Namun, selepas kontrak tersebut tamat dan SADA mengambil alih semula pengurusan bekalan air, masalah air mula timbul. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak (Breakwater) di Jeti Teluk Puyoh yang	<ul style="list-style-type: none"> ● Pulau Tuba ● Nelayan ● Jeti Teluk Puyoh 	<ul style="list-style-type: none"> ● Projek ini telah dibina di Teluk Puyoh dan Teluk Berembang, yang diberikan peruntukan sebanyak RM 9 juta dan diberhentikan untuk sementara. ● Pembinaan breakwater menyebabkan pembentukan 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS):</p> <p>Projek benteng pemecah ombak di kawasan kampung adalah berdasarkan permintaan penduduk tempatan dan dibiayai oleh ICU. Projek tersebut menghadapi masalah apabila kontraktor asal diberhentikan, dan JPS kini sedang memohon peruntukan baru. Tender baru dijangka dikeluarkan pada hujung tahun ini, bergantung kepada</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>terbengkalai dan tidak siap.</p>		<p>teluk di tengah yang membentuk selut, lumpur dan licin.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan ini menyebabkan tanah terhakis dan kawasan breakwater untuk pecah dan tidak tahan ombak. • Sudah 2 tahun projek ini terbengkalai. • Projek ini umpama projek gajah putih dimana telah membawa kesusahan kepada nelayan untuk ke laut disebabkan air yang semakin cetek dan halangan lumpur. 	<p>pengesahan peruntukan sebanyak RM9 juta daripada ICU. Pada asalnya, jeti hanya dirancang untuk dibaiki kerana ia masih boleh diselamatkan, tetapi kini ada cadangan untuk membina jeti baru, juga bergantung kepada kelulusan ICU.</p>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: PENDIDIKAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keciciran pelajaran 2. Pengaruh persekitaran terhadap pendidikan 3. Pelajar lebih berminat bekerja berbanding sekolah
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan satu projek yang boleh memberi kemahiran kepada para pelajar yang tercicir untuk kelestarian dan mampu menjana pendapatan pada masa akan datang. 2. Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan masyarakat.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar sekolah ● Ibu bapa ● Penduduk tempatan
Kawasan	Mukim Kedawang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 4: Pendidikan Bermutu	<p>Sasaran 4.3: Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti</p> <p>Sasaran 4.7: Menjelang 2030, pastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk, antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan penolakan kekerasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.</p>

PENGUTAMAAN ISU 2: CAPAIAN KEPADA KEPERLUAN ASAS

Permasalahan berkaitan dengan isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gangguan bekalan air 2. Tahap kualiti air yang rendah 3. Kekurangan infrastruktur dan penyelenggaraan di Pulau Tuba
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan Projek Telaga Tiub untuk memastikan penduduk mempunyai akses kepada air bersih sekiranya berlaku gangguan bekalan air. 2. Melakukan kajian penilaian segera bagi memahami keperluan sebenar bagi penambahbaikan infrastruktur di Pulau Tuba, dengan mengambil kira pertumbuhan penduduk dan keperluan masa depan.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Padang Lunas (Mukim Kuah) dan sekitarnya • Pulau Tuba • Mukim Ayer Hangat • Kg Chandek Kura, Mukim Kedawang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.1: Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua
Matlamat 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.3: Menjelang 2030, tingkatkan pembandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.

PENGUTAMAAN ISU 3: KEMISKINAN

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan kos sara hidup 2. Kebolehpayaan komuniti dan agensi dalam mempromosikan Pulau Tuba masih rendah. 3. Pencerobohan pukut tunda dan nelayan 4. Kesan projek terbengkalai kepada nelayan dan penduduk setempat
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan satu projek penjanaan pendapatan berasaskan pelancongan di Pulau Tuba 2. Menyediakan bengkel latihan pemasaran digital untuk komuniti dan agensi tempatan bagi meningkatkan kebolehpayaan mereka mempromosikan Pulau Tuba sebagai destinasi pelancongan. 3. Mengadakan bengkel atau kursus keusahawanan untuk membantu nelayan mencari sumber pendapatan alternatif, seperti aktiviti ekopelancongan atau produk hiliran hasil laut.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan • Penduduk setempat
Kawasan	Pulau Tuba
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada kemiskinan	<p>Sasaran 1.1: Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar bagi semua orang di mana-mana sahaja, pada masa ini diukur sebagai orang yang hidup dengan kurang daripada AS\$1.90 sehari.</p> <p>Sasaran 1.2: Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional.</p>

<p>Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi</p>	<p>Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaik tarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektor yang mempunyai nilai tambah tinggi dan intensif buruh</p> <p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p>
--	---



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>